



LAPORAN TAHUNAN UNIT INTEGRITI TAHUN 2025

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



TAJUK

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

- | | |
|--|----------------|
| i. LAPORAN POSTER INTEGRITI (JANUARI HINGGA DISEMBER 2025) | 2 - 18 |
| ii. LAPORAN PROGRAM INTEGRITI (JANUARI HINGGA DISEMBER 2025) | 20 - 31 |
| iii. LAPORAN MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB | 32 |
| iv. LAPORAN KES TATATERTIB (JANUARI HINGGA DISEMBER 2025) | 33 - 34 |
| v. ADUAN INTEGRITI (JANUARI HINGGA DISEMBER 2025) | 35 - 36 |

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2025, Unit Integriti telah menerbitkan sebanyak 33 poster peringatan integriti untuk dipamerkan sebagai latar belakang desktop komputer serta di papan kenyataan di setiap jabatan, bagi memperkukuh budaya integriti dalam organisasi .

BIL	TAJUK POSTER PERINGATAN INTEGRITI	TARIKH
1	INTEGRITI TERAS KEJAYAAN	01/01/2025
2	MUTIARA KATA INTEGRITI	01/01/2025
3	MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN	16/01/2025
4	MUTIARA KATA INTEGRITI	16/01/2025
5	JAGA DIRI, BERMARUAH DIRI”	15/02/2025
6	PESANAN INTEGRITI	15/02/2025
7	PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH	15/03/2025
8	KARIKATUR PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH	15/03/2025
9	JADILAH WARGA MAJLIS YANG BERINTEGRTI	14/04/2025
10	ADAKAH SAYA SEORANG YANG BERINTEGRITI	14/04/2025
11	POSTER PERINGATAN INTEGRITI	01/05/2025
12	KESERONOKAN KERJA	01/05/2025
13	PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA	15/05/2025
14	MUTIARA KATA INTEGRITI	15/05/2025

Bil	TAJUK POSTER PERINGATAN INTEGRITI	Tarikh
15	MASIHKAH INGAT JANJI KITA	01/06/2025
16	MUTIARA KATA INTEGRITI	01/06/2025
17	MEMBERI KEMAAFAN MELUNAKKAN HATI	16/06/2025
18	PEMBUDAYAAN KESERONOKAN INDIVIDU	16/06/2025
19	REHAT SEKATIKA KECIL TAPI BERMAKNA	01/07/2025
20	KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS ADALAH KESALAH INTEGRITI	01/07/2025
21	TANDA – TANDA UTAMA BURNOUT	15/07/2025
22	ISTILAH LAIN BAGI RASUAH, ELAKAN !!!	15/07/2025
23	ETIKA PENJAWAT AWAM DI MEDIA SOSIAL	01/08/2025
24	LARANGAN MEMBUAT PENYATAAN AWAM	01/08/2025
25	APABILA SALAH LAKU MENJADI BUDAYA	15/08/2025
26	PERSEKITARAN KERJA YANG TOKSIT	15/08/2025
27	LARANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH	01/09/2025
28	PETRIOTISME DARI SUDUT PERSPEKTIF PSIKOLOGI	01/09/2025
29	SUDAHKAH ANDA ISYTIHAR HARTA	01/10/2025
30	MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM POLITIK	15/10/2025
31	MUTIARA KATA INTEGRITI	15/10/2025
32	MUTIARA KATA INTEGRITI	01/11/2025
33	MUTIARA KATA INTEGRITI	01/12/2025



INTEGRITI
TERAS KEJAYAAN
SELAMAT
TAHUN BARU
2025



INTEGRITI
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

[f](#) [i](#) [x](#) [d](#) [v](#) @mbseremban www.mbs.gov.my MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA



JIKA Hilang

...Wang boleh dicari
...Harta boleh dibeli kembali
Jika HILANG INTEGRITI maka
hilanglah maruah diri



INTEGRITI
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

[f](#) [i](#) [x](#) [d](#) [v](#) @mbseremban www.mbs.gov.my MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA



MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN

Peraturan 5. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1998)

1 Berniaga Online



CONTOH

2 Pemandu Teksi / Uber / Grab



3 Penghantar makanan



4 Meniaga pakaian



Pekerjaan luar tidak boleh dilakukan melainkan dengan kebenaran **KETUA JABATAN** dengan **SYARAT** :

- Tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa dikehendaki melaksanakan tugas rasmi
- Tidak dibenarkan menggunakan harta benda kerajaan untuk tujuan tersebut
- Tidak menjejaskan kebergunaan sebagai pegawai awam
- Tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam



MUTIARA KATA INTEGRITI

INTEGRITI ADALAH NILAI YANG BERMULA DARI DALAM DIRI MANUSIA. IA BERGAMBANG DARI KESEDARAN DIRI DAN BERMULANYA DARI HATI, KEMUDIAN MERESAP KEDALAM MINDA DAN EMOSI, AKHIRNYA INTEGRITI DIPAMERKAN MELALUI FIZIKAL DAN TINGKAH LAKU

IANYA
BERMULA DARI SAYA





“JAGA DIRI, BERMARUAH DIRI”

ISU : INTEGRITI DI MEDIA SOSIAL

DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM

HINDARI :

- **Membuat sebarang pernyataan** awam tanpa kebenaran
- **Komen** atau membuat pernyataan **isu-isu yang boleh** menjejaskan imej dan dasar MBS
- **Menyebarkan** maklumat berbentuk fitnah dan hasutan serta berbau lucah
- **Memprovokasi** sesuatu yang menyalahi undang-undang dan peraturan
- **Berkongsi** perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu



PESANAN INTEGRITI

Mulakan tahun 2025 dengan penuh azam dengan menghayati nilai

I.N.T.E.G.R.I.T.I

- I** IMAN
(BERPEGANG KEPADA PRINSIP MORAL DAN AGAMA)
- N** NILAI
(MENGUTAMAKAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KERJA)
- T** TANGGUNGJAWAB
(MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN PENUH AMANAH)
- E** ETIKA
(MENGIKUT KOD ETIKA YANG DITETAPKAN)
- G** GANDINGAN
(BEKERJASAMA DENGAN BAIK DALAM PASUKAN)
- R** RENDAH DIRI
(MENGHORMATI DAN BERSIKAP MERENDAH DIRI)
- I** INTEGRASI
(MENYATUKAN USAHA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT BERSAMA)
- T** TRANSPARENSI
(KETERBUKAAN DALAM KEPUTUSAN DAN TINDAKAN)
- I** IKHLAS
(BEKERJA DENGAN NIAT YANG TULUS DAN JUJUR)

“INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!”

integriti@mbs.gov.my

[f](#) Integriti Majlis Bandaraya Seremban



"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."
(Surah al-Baqarah: 188)

PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH

Komitmen kerajaan adalah untuk mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah



"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"

integriti@mbs.gov.my

Integriti Majlis Bandaraya Seremban



Jangan Deal !!!
"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"

integriti@mbs.gov.my

Integriti Majlis Bandaraya Seremban



JOM HEBAH INTEGRITI

Jadilah Warga Majlis Yang BERINTEGRITI



1 PATUH PADA UNDANG-UNDANG

sentiasa mengikuti peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis



2 TIADA KONFLIK PERIBADI yang boleh mengganggu tugas dan tanggungjawab



3 AKAUNTABILITI bertanggungjawab kepada seseorang atau terhadap sesuatu tindakan



4 BERWIBAWA dalam melakukan sesuatu kerja yang akan atau sedang dilaksanakan



5 JUJUR DAN AMANAH menjalani tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak mengambil kesempatan



6 TELUS tidak menyembunyikan apa-apa perkara yang menyalahi atau melanggar peraturan-peraturan pegawai awam

MAKLUMAT PENYALURAN INTEGRITI

UNIT INTEGRITI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



integriti@mbs.gov.my



06-7654650 /4652 /4656

"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"



Adakah saya seorang penjawat awam yang berintegriti....?



AYUH!!! Segera Berubah Sebagai Pekerja Yang Berintegriti :

1 Mulai dari diri sendiri

2 Mulai dari hal-hal kecil

3 Mulai dari sekarang



PERINGATAN

MEMBOCORKAN ADUAN AWAM / MAKLUMAT TERPERINGKAT DAN RAHSIA RASMI KERAJAAN ADALAH MENJADI SATU **KESALAHAN !!!**



JIKA DISABITKAN KESALAHAN TINDAKAN TATATERTIB AKAN DIKENAKAN

"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"

Integriti Majlis Bandaraya Seremban

integriti@mbs.gov.my

@mbseremban www.mbs.gov.my

MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA



PENA MINDA

UNIT INTEGRITI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

KESERONOKAN BEKERJA

Apa Itu Keseronokan Bekerja ?

Keseronokan bekerja merujuk kepada **perasaan seronok dan bahagia** yang wujud ketika melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan di tempat kerja.



KEPENTINGAN KESERONOKAN BEKERJA

- Meningkatkan Produktiviti:** Pekerja yang seronok dengan tugas mereka cenderung untuk bekerja dengan lebih fokus dan efisien.
- Mengurangkan Tekanan Kerja:** Suasana kerja yang menyenangkan membantu mengurangkan tekanan, sekaligus meningkatkan kesejahteraan mental.
- Peningkatan Kualiti Pekhidmatan:** Pekerja yang bersemangat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

KESAN KESERONOKAN BEKERJA

- Individu yang **seronok dan bahagia** didapati lebih berjaya, berprestasi tinggi dalam pekerjaan, mempunyai perhubungan sejahtera dan tahap kesihatan yang baik.



"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"

Integriti Majlis Bandaraya Seremban

psikologisuk@ns.gov.my
integriti@mbs.gov.my

@mbseremban www.mbs.gov.my

MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA

PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA

KESERONOKAN BEKERJA DIPAMERKAN MELALUI:

Rasa puas hati



Pelaksanaan Tugas Yang Cepak



Merasa bangga dengan pekerjaan dan organisasi



OBJEKTIF PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA:

Menguuhkan budaya keseronokan bekerja selaras dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam;

Memberikan panduan pelaksanaan Pembudayaan Keseronokan Bekerja pada peringkat individu, kepimpinan dan organisasi; dan

Melaksanakan Pembudayaan Keseronokan Bekerja secara menyeluruh.



3 PERINGKAT PELAKSANAAN
PEMBUDAYAAN KESERONOKAN
BEKERJA

Organisasi

Kepemimpinan

Individu

"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"

Surat Edaran dan Garis Panduan
Pembudayaan Keseronokan Bekerja
Sektor Awam



Hari ini adalah
kesempatan untuk
menjadi lebih baik
daripada semalam.
Manfaatkan setiap saat
dengan bijak.



"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"

Info Integriti






Masih INGATKAH JANJI KITA?

SURAT AKU JANJI

KETIKA MELAPORKAN DIRI MASUK BERKHIDMAT DI MBS

01 Saya akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan	06 Saya tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri
02 Saya akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bertanggung-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab	07 Saya tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama perkhidmatan awam
03 Saya tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya	08 Saya tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam
04 Saya tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya	09 Saya tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.
05 Saya tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam	Saya sesungguhnya faham jika saya disabitkan kerana melanggar AKU JANJI ini, saya boleh dikenakan TINDAKAN TATATERTIB mengikut Peraturan-Peraturan Bagi Penjawat Awam Dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan dan Tatatertib 1998)


 @mbseremban
 www.mbs.gov.my
MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA

Integriti :

Bersikap jujur dalam apa sahaja yang anda katakan dan lakukan.

"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"


INTEGRITI
 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

psikologisuk@ns.gov.my
integriti@mbs.gov.my



MEMBERI KEMAAFAN MELUNAKKAN HATI

Perselisihan faham sesama rakan sejawat sememangnya melukakan hati. Jika dibiarkan akan mengganggu keseronokan bekerja. Jika konflik dilihat sukar untuk mencari jalan penyelesaian. Kesediaan memberi kemaafan adalah jalan terbaik demi ketenangan diri dan organisasi

Mengapa Susah Untuk Memaafkan?

- Keinginan membalas dendam dan merasai satu kepuasan kerana merasakan individu yang bersalah mesti dihukum.
- Berdepan dengan ego diri yang merasakan akan kalah jika memberi kemaafan dan merasakan diri selalu betul.

MUTIARA KATA

"Memaafkan tidak akan mengubah masa lalu tetapi pasti akan memudahkan masa hadapan"

Bagaimana Mendidik Hati Untuk Bersedia Memaafkan ?

- Memaafkan tidak bermakna menuntut diri kita melupakan peristiwa dan menerima tingkah laku individu tersebut.
- Memaafkan bukan untuk memuaskan hati individu lain tetapi untuk mententeramkan hati sendiri agar tugas dilaksanakan dengan baik. Kehidupan ini akan lebih tenang serta lebih fokus kepada perkara positif.
- Bersedia memaafkan kerana diri sendiri juga tidak terlepas daripada melakukan kesilapan.

@mbseremban www.mbs.gov.my MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA



PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA DI PERINGKAT INDIVIDU

PEMERKASAAN DIRI

- ▶ Sentiasa meletakkan **pernyataan positif** kepada diri bagi menjalankan tugas yang cermelang.
- ▶ Peningkatan **pengetahuan dan kemahiran** melalui pembelajaran sepanjang hayat.

ADAPTASI DIRI

- ▶ Meningkatkan **adaptasi** diri terhadap persekitaran pekerjaan
- ▶ Melalui **penyesuaian minat, personaliti dan kemahiran interpersonal** bagi membentuk hubungan kerja yang positif dan produktif

"INTEGRITI KUKUH, PRESTASI UTUH!"



psikologisuk@ns.gov.my

integriti@mbs.gov.my



REHAT SEKETIKA KECIL TAPI BERMAKNA

IDEA REHAT 2-5 MINIT YANG BERKESAN

- Tarik nafas dan lepaskan secara perlahan-lahan
- Melihat pandangan di luar tingkap
- Bangun dan regangkan tubuh badan
- Mendengar lagu yang menenangkan
- Bersembang santai dengan rakan sekerja

Method

- ✓ **MENGURANGKAN TEKANAN MENTAL**
Memberikan masa kepada otak untuk "reset" dan **mengurangkan serta melegakan tekanan terkumpul**
- ✓ **MENINGKATKAN FOKUS DAN KREATIVITI**
Selepas rehat, **minda akan lebih segar dan bersedia** untuk menyelesaikan tugas yang mencabar dengan lebih fokus dan kreatif
- ✓ **MENCEGAH KELETIHAN EMOSI**
Rehat yang sedikit boleh **mengelakkan burnout dan keletihan emosi**, terutamanya apabila anda merasakan terlalu banyak perkara yang dilakukan serentak.

The 20-20-20 rules : i.) Setiap 20 minit anda melihat skrin ii.) Alih pandangan sejauh jarak 20 kaki iii.) Untuk tempoh 20 saat



@mbseremban



www.mbs.gov.my

MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA



KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS ADALAH "KESALAHAN TATATERTIB"

Peraturan-Peraturan Bagi Penjawat Awam Dan Kakitangan
Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan dan Tatatertib 1998)

Seseorang pegawai **"TIDAK BOLEH"** dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya menanggung **keterhutangan kewangan serius**



Seseorang pegawai **menghindarkan diri** daripada terjebak masalah **keterhutangan kewangan yang serius**



Pendapatan bersih pegawai hendaklah berada **sekurang-kurangnya di tahap 40%** emolument bulanan





psikologisuk@ns.gov.m
integriti@mbs.gov.my

TANDA-TANDA UTAMA BURNOUT!

- 1 Keletihan Yang Berterusan**
Mengalami keletihan fizikal dan mental yang berpanjangan meskipun telah mendapat rehat yang mencukupi
- 2 Kehilangan Motivasi**
Mengalami keletihan fizikal dan mental yang berpanjangan meskipun telah mendapat rehat yang mencukupi
- 3 Pengasingan Sosial**
Cenderung untuk menjauhkan diri daripada rakan sekerja, keluarga atau masyarakat. Mula memilih untuk menyendiri dan enggan bersosial
- 4 Pandangan Negatif Terhadap Pekerjaan**
Mula memandang sinis terhadap tugas, organisasi atau pelanggan. Hilang keseronokan semasa bekerja sehingga merasakan pekerjaan yang dilakukan tidak membawa makna dan manfaat

"Sekiranya anda mempunyai tanda-tanda seperti di atas sila hadir ke Unit Integriti untuk mendapatkan khidmat nasihat"



@mbseremban www.mbs.gov.my MAMPAN.BERSIH.SEJAHTER



Integriti Negeri Sembilan
integriti@mbs.gov.my

Rasuah kecil hari ini, bala besar esok hari. Ramai menyangka "sekadar terima sedikit hadiah" atau "hanya bantu sikit urusan" itu adalah perkara remeh. Tetapi di situlah bermulanya ketagihan, kebiasaan dan akhirnya keruntuhan integriti.

Istilah lain bagi RASUAH..... Elakkan!



APA PUN ISTILAH, TETAP SALAH!

TEGUHKAN INTEGRITI KUKUHLAH PERTIWI



@mbseremban www.mbs.gov.my MAMPAN.BERSIH.SEJAHTER



ETIKA PENJAWAT AWAM DI MEDIA SOSIAL

**PATUHI PERATURAN-PERATURAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1998**

**TIDAK MENGGUNAKAN MEDIA
SOSIAL UNTUK TUJUAN PERIBADI
SEMASA WAKTU PEJABAT**

**TIDAK MENDEDAHKAN MAKLUMAT
RASMI DI DALAM MEDIA SOSIAL**

**SEMAK KETEPATAN DAN SENSITIVITI
MAKLUMAT SEBELUM DIHANTAR, DAN**

**PASTIKAN PERKONGSIAN /
PENGUNAAN MAKLUMAT BERKAITAN
HAK CIPTA DAN HARTA INTELEK TELAH
MENDAPAT KEBENARAN**



LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

Peraturan 19.(1) AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976. Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai Dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan Dan Tatatertib) 1998

**SESEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH, SECARA LISAN
ATAU BERTULIS ATAU DENGAN APA-APA CARA LAIN :-**

- (a) **MEMBUAT** apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, program atau keputusan Majlis tentang apa-apa isu;
- (b) **MEMBUAT** apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan / memburukan nama Majlis.
- (c) **MEMBUAT** apa-apa ulasan tentang, kelemahan apa-apa dasar, program atau keputusan Majlis atau
- (d) **MENGEDARKAN** apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

TERMASUK DI MEDIA SOSIAL

- Fitnah, hasutan, lucah
- Provokasi sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan menyentuh sensitiviti politik, individu atau kumpulan

CONTOH-CONTOH PERNYATAAN AWAM



Sumber rujukan dan arahan:
Unit Integriti Pejabat SUKNS



Apabila SALAH LAKU sudah menjadi BUDAYA

Jangan sesekali membiarkan salah laku menjadi kebiasaan, kerana apabila salah laku menjadi budaya, integriti bukan dikompromi, bahkan akan menjadi nilai asing dalam sistem kita.

Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar
Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)



PERSEKITARAN KERJA YANG TOKSIK, MERUJUK KEPADA SUASANA KERJA YANG MEMBERI KESAN NEGATIF TERHADAP KESEJAHTERAAN MENTAL, EMOSI DAN FIZIKAL KERJA

BULI DI TEMPAT KERJA

Tidak diperlakukan dengan adil, sering dikiritik dan dipersalahkan. Layanan dan kata-kata yang kasar serta arahan yang menekan-nekan dan menimbulkan ketakutan serta memalukan individu lain.

POLITIK PEJABAT

Budaya pilih kasih, memihak dan berpuk-puk melakukan sesuatu untuk kepentingan diri dengan menjatuhkan pihak lain.

SINDIRAN DAN DISKRIMINASI

Tidak dilibatkan dalam aktiviti yang mempunyai kepentingan sosial (diketepikan dari sebarang aktiviti berkumpul yang boleh mengeratkan hubungan) Penggunaan kata-kata sindiran, budaya gosip dan hasutan dengan bertujuan menjatuhkan pihak lain.



Sumber rujukan :
Unit Psikologi Pejabat SUKNS

Apa yang anda boleh lakukan ?



- Jangan pendam, Dapatkan khidmat nasihat
- Ambil rehat secukupnya
- Luahkan kepada rakan yang boleh dipercayai





integriti@mbs.gov.my

LARANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH

“**Dadah berbahaya**” ertinya apa-apa dadah atau bahan yang dinyatakan dalam **Jadual Pertama** pada **Akta Dadah Berbahaya 1985 (Akta 234)**

PERATURAN 12 (1)

Seorang pegawai **TIDAK BOLEH** menggunakan atau mengambil apa-apa **dadah berbahaya**, kecuali sebagaimana yang dipreskripsikan untuk kegunaan bagi maksud perubatan oleh pegawai perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta 50), atau menyalahgunakan atau menagih apa-apa jenis dadah berbahaya

Pegawai yang didapati menyalahgunakan dadah selain tujuan perubatan boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** dengan tujuan **BUANG KERJA**

“Perkhidmatan Cemerlang Bermula Dengan Diri Yang Sihat Jauhi Najis **DADAH!**”



[f](#) [i](#) [x](#) [d](#) [v](#) @mbseremban [www.mbs.gov.my](#) MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



psikologisuk@ns.gov.my
integriti@mbs.gov.my

PETRIOTISME DARI PERSPEKTIF PSIKOLOGI

Selamat Menyambut Hari MALAYSIA

“PETRIOTISME DARI PERSPEKTIF PSIKOLOGI ADALAH EKSPRESI CINTA DAN KESETIAAN TERHADAP TANAH AIR YANG MELIBATKAN PERASAAN BANGGA, RASA MEMILIKI DAN KESEDIAAN UNTUK BEKORBAN DEMI KEPENTINGAN NEGARA. INI BUKAN HANYA SEKADAR PERASAAN, TETAPI JUGA TINDAKAN YANG DIDORONG OLEH NILAI-NILAI KEYAKINAN YANG TERTANAM DALAM DIRI INDIVIDU.”

MEMBAWA KEPADA KONSEP KENDIRI DAN EMOSI POSITIF

Petriotisme dapat dilihat sebagai sebahagian daripada konsep sendiri yang positif. Apabila individu berasa bangga dengan negaranya ia dapat meningkatkan harga diri dan rasa percaya kepada diri. Petriotisme juga sangat berkait rapat dengan emosi positif seperti kebahagiaan, kebanggaan dan berasa aman perasaan ini juga dapat memotivasikan individu untuk bertindak demi kepentingan negara dan menyumbang kepada kemajuan negara

MEMUPUK RASA KEKITAAN DAN SELAMAT

Petriotisme dapat memupuk rasa kekitaan atau kepunyaan “sense of belonging” iaitu perasaan selamat yang terhasil dari penerimaan keterlibatan dan penghargaan sebagai ahli dalam sesebuah kumpulan

PEMBENTUKAN IDENTITI SOSIAL DAN NASIONAL

Petriotisme memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti sosial individu dan ia berkait rapat dengan identiti nasional yang melibatkan pengiktirafan kognitif terhadap sesebuah komuniti yang mentadbir negara dan penerimaan terhadap nilai-nilainya

MENIFESTASI TINGKAH LAKU KEPADA PEMBANGUNAN MEGARA

Sikap dan tingkah laku patriotik boleh dizahirkan melalui sokongan dan penglibatan terhadap dasar-dasar dan menunjukkan rasa bangga terhadap negara. Petriotisme yang sihat dan konstruktif dapat mendorong individu untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan negara

“MALAYSIA MADANI : Rakyat disantuni”

[f](#) [i](#) [x](#) [d](#) [v](#) @mbseremban [www.mbs.gov.my](#) MAMPAN.BERSIH.SEJAHTERA



**“Apa pun jawatan
kita, pekerjaan itu
adalah satu ibadah.
Laksanakanlah
amanah dan
tanggungjawab itu
dengan seikhlas hati.
Semoga rezeki yang
diterima menjadi
lebih berkat”**

 INTEGRITI@MBS.GOV.MY

**SUDAHKAH ANDA
ISYTIHAR HARTA ?**
**PENJAWAT AWAM DIKEHENDAKI
ISYTIHAR HARTA APABILA ?**

01 LANTIKAN PERTAMA KALI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

02 PELUPUSAN HARTA

03 DIKEHENDAKI OLEH MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

04 LIMA TAHUN SEKALI



KEGAGALAN ANDA MENGISYTIHAR HARTA BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN DISIFATKAN SEBAGAI INKAR PERINTAH DAN MELANGGAR PERATURAN-PERATURAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (KELAKUAN DAN TATATERTIB 1998)



integrity@ns.gov.my
integrity@mbs.gov.my

MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB)
(MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN DAN MAJLIS PERBANDARAN NILAI)

Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan & Profesional adalah **DILARANG** mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik dan khususnya dia tidak boleh :



a) Membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik.

b) Terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada suatu pilihan raya umum, pilihan raya kecil, atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam parti politik

Seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik setelah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Ketua Jabatan.

- 1. Membuat Pernyataan Awam
membuat apa-apa pernyataan awam samada secara malaris lisan, yang berat sebelah berhubung isu parti politik.
- 2. Menyerbit atau Mengedar
menyerbit atau mengedar apa-apa bahan tentang pandangan terhad parti politik.
- 3. Merayu Undi
merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya.
- 4. Memegang Jawatan
memegang sesuatu jawatan dalam mana-mana parti politik.

KETIDAK PATUHAN KEPADA KETETAPAN TERSEBUT BOLEH MENJURUS KEPADA PELANGGARAN TATATERTIB DAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN



SUMBER RUJUKAN UNIT INTEGRITI PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

integrity@mbs.gov.my



“Akhirilah setiap hari
dengan fikiran positif.
Tidak peduli seberapa
beratnya harimu”

“Esok adalah kesempatan
baru untuk membuat
segalanya lebih baik
daripada semalam”



integrity@mbs.gov.my



“Integriti tidak lahir secara spontan. Integriti tidak terbentuk melalui pelan yang cantik tertulis di atas kertas. Integriti tidak tercapai melalui penubuhan sesebuah institusi. Integriti dibentuk melalui pendidikan yang berterusan, disemai di rumah, disuburkan di sekolah, diperkukuhkan oleh masyarakat, dan diinspirasi oleh kepimpinan yang boleh diteladani”

Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum
Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah
Majlis Perasmian
Sambutan Bulan Integriti Nasional 2025





LAPORAN PROGRAM UNIT INTEGRITI (JANUARI HINGGA DISEMBER 2025)

PROGRAM INTEGRITI SIRI 1/2025

TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN DAN HUTANG BAGI MENGELAKKAN KETIRISAN INTEGRITI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM

Pada 24 April 2025 (Khamis), satu Taklimat Pengurusan Kewangan dan Hutang bagi Mengelakkan Ketirisan Integriti dalam Kalangan Penjawat Awam telah diadakan bertempat di Bilik Waris Klana Di Hulu, Wisma MBS. Taklimat ini telah disertai oleh seramai 42 orang kakitangan Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Encik Alif Faizudin bin Jalamudin, Senior Executive, Business Development and Marketing Section, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Turut hadir dalam sesi taklimat ini ialah Encik Mohd Hashry bin Mohd Yaacob, Ketua Unit Integriti MBS, yang seterusnya menyempurnakan majlis penutup bagi program yang diadakan.

GAMBAR TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN DAN HUTANG BAGI MENGELAKKAN KETIRISAN INTEGRITI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM



PROGRAM INTEGRITI SIRI 2/2025


PROGRAM PEMBENTUKAN KELUARGA RESILIEN DIRI BERSAMA PIHAK AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN DAERAH SEREMBAN

Bertarikh 9 Mei 2025 hingga 11 Mei 2025 bertempat di pusat Latihan & Kepimpinan UPNM Kem Kongkoi Jelebu, telah berlangsungnya Program Family On Alert (Keluarga Resilien). Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Seremban dan disertai oleh pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban bersama anak masing-masing.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi ilmu dan maklumat pencegahan dadah kepada bapa supaya mampu mengawal dan memberi hala tuju kepada anak masing-masing dalam menghindari penyalahgunaan dadah dikalangan remaja. Selain itu program ini juga bertujuan merapatkan ikatan di antara bapa dan anak yang tanpa kita sedari semakin lama semakin menjurang di sebabkan komitmen kerjaya dan faktor usia anak yang semakin meningkat dan matang.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah slot latihan dalam kumpulan menggunakan modul yang telah dibekalkan oleh Ibu Pejabat AADK Daerah Seremban, Pihak AADK Daerah Seremban juga merakam ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Bandaraya Seremban dan barisan urusetia kerana telah bersama-sama menjayakan program ini. Diharapkan program sebegini sedikit sebanyak mampu menambah eratkan hubungan kekeluargaan diantara bapa dan anak serta memberi ilmu yang bermanfaat malah memastikan juga diri mereka bebas daripada penyalahgunaan dadah dan pelencongan sosial.

GAMBAR PROGRAM PEMBENTUKAN KELUARGA RESILIENT DIRI BERSAMA PIHAK AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN DAERAH SEREMBAN



GAMBAR PROGRAM PEMBENTUKAN KELUARGA RESILIEN DIRI BERSAMA PIHAK AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN DAERAH SEREMBAN



PROGRAM INTEGRITI SIRI 3/2025

UJIAN SARINGAN AIR KENCING

Pada 25 September 2025 (Khamis), Program Integriti Siri 3/2025 telah dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan. Program ini telah berlangsung di Bilik Latihan, Waris Klana Di Hulu, Wisma MBS dengan penyertaan seramai 41 orang kakitangan Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan penjawat awam berkaitan bahaya penyalahgunaan dadah. Seiring dengan itu, para peserta turut menjalani saringan ujian air kencing dan hasil ujian mendapati kesemua kakitangan MBS yang terlibat disahkan negatif.

GAMBAR PROGRAM INTEGRITI SIRI 3/2025



PROGRAM FUN RUN BERAGAM 5KM “ DESA NAN PERMAI “ 2025

Sempena Sambutan Hari Integriti dan Hari Antirasuah Antarabangsa Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seremban, telah mengadakan Program Fun Run Beragam 5KM bertemakan “Desa Nan Permai”. Fun Run ini telah disertai seramai 200 orang peserta daripada penjawat awam negeri dan persekutuan di Negeri Sembilan. Tidak ketinggalan, Majlis Bandaraya Seremban telah menghantar seramai 30 orang kakitangan MBS untuk menyertai Fun Run yang telah diadakan pada 08 November 2025 (Sabtu), bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Fun Run ini bukan sahaja menjadi platform untuk menggalakkan gaya hidup sihat, malah turut memperkukuh nilai integriti, ketelusan dan perpaduan dalam kalangan warga pentadbiran kerajaan negeri.

Pelepasan peserta larian telah disempurnakan oleh YB Dato’ Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan turut hadir YB Dato’ Masri bin Haji Razali, Pegawai Kewangan Negeri Sembilan YBhg. Dato’ Ir. Ts. Haji Masri bin Baharuddin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban (MBS), dan YBrs. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha MBS. Larian sejauh 5 kilometer ini berlangsung dalam suasana ceria, penuh warna-warni dan bersemangat tinggi, mencerminkan komitmen penjawat awam untuk terus mengamalkan nilai-nilai integriti dalam setiap langkah dan tindakan.

Untuk makluman, ahli mesyuarat, YBhg. Dato’Ir. Ts. Haji Masri bin Baharudian, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban dan YBrs. Ir. Ts. Br Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban turut menyertai larian Fun Run Beragam 5KM, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Majlis Bandaraya Seremban, Bahagian Trafik IPD Seremban serta Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan dalam memastikan kelancaran serta keselamatan sepanjang program ini berlangsung.

GAMBAR PROGRAM FUN RUN BERAGAM 5KM “ DESA NAN PERMAI “ 2025



TAKLIMAT INTEGRITI SEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pada 17 November 2025 (Isnin), Unit Integriti telah menganjurkan satu sesi taklimat sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seremban (MBS) Tahun 2025. Taklimat tersebut telah berlangsung di Bilik Latihan, Ruang Dato' Dagang Paroi, Wisma MBS dengan penyertaan seramai 80 orang kakitangan MBS. Bagi menjayakan program ini, Unit Integriti MBS telah menjemput dua orang penceramah berpengalaman, iaitu Puan Normaliza binti Jaafar, Penolong Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan dan Tuan Mohamat Khoirul Ariffin Safei, Pegawai Penjara dari Penjara Negeri Sembilan. Majlis perasmian penutup taklimat telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ir. Ts. Br Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, dengan diiringi oleh Encik Mohd Hashry bin Mohd Yaacob, Ketua Unit Integriti MBS.

GAMBAR TAKLIMAT INTEGRITI SEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

Mesyuarat Lembaga Tatatertib diadakan sebagai platform tadbir urus utama untuk memastikan pengurusan kes tatatertib dilaksanakan secara adil, telus dan selaras dengan peraturan perkhidmatan yang berkaitan. Pada tahun 2025, Mesyuarat Lembaga Tatatertib telah bersidang sebanyak Empat (4) kali seperti berikut :

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bil 1/2025	11/06/2025
2.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bil 2/2025	18/07/2025
3.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bil 3/2025	29/10/2025
4.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bil 4/2025	24/12/2025



STATISTIK JENIS KESALAHAN YANG DIDAFTARKAN KE LEMBAGA TATATERTIB DARI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2025

STATISTIK JENIS KESALAHAN YANG DIDAFTARKAN KE LEMBAGA TATATERTIB DARI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2025

BIL.	JENIS KESALAHAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM.
1	MASALAH KEHADIRAN	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
2	INGKAR ARAHAN	-	-	-	-	-	-	2	-	-	-	-	-	2
3	PALSUKAN DOKUMEN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4	PENYATAAN AWAM (BOCOR MAKLUMAT)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
5	KECURIAN (ASET/STOR)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
6	DADAH DAN BAHAN TELARANG	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
7	KECUAIAN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
8	TUNTUTAN PALSU	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
9	GANGGUAN SEKSUAL	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
10	JENAYAH SYARIAH	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		-	-	-	-	-	1	2	-	-	-	-	2	5



ADUAN SALAH LAKU BERKAITAN INTEGRITI DARI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2025

STATISTIK PENERIMAAN MAKLUMAT / ADUAN MENGIKUT BULAN BAGI DARI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2025

	CARA PENERIMAAN ADUAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH KESELURUHAN
1	SISPAA	1	5	3	3	2	4	3	2	3	6	3	1	36
2	SURAT	1	2	1	-	2	-	-	2	-	1	-	-	9
3	EMEL	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	3
4	TELEFON	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
5	BERSEMUKA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
6	PENEMUAN AUDIT	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
7	MEMO	-	-	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	2
8	MEDIA SOSIAL	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
9	SPRM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	JUMLAH	3	7	5	3	5	4	3	4	3	8	3	3	51



**SEKIAN
TERIMA KASIH**

#SayaWargaMBSBerintegriti